

25 OCT 2002

Nik Aziz-Peruntukan

NIK AZIZ RAYU PUSAT HANTAR PERUNTUKAN BINA BENTENG HAKISAN

KOTA BAHARU, 25 Okt (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat merayu kerajaan pusat menyegerakan pemberian peruntukan RM40 juta yang telah diluluskan bagi pembinaan benteng di sepanjang Pantai Sabak bagi mengatasi masalah hakisan.

Beliau berkata benteng itu penting untuk menyelamatkan rumah penduduk di pantai Sabak daripada terus musnah dihakis ombak pada musim tengkujuh yang dijangka bulan depan.

"Saya telah berkali-kali menyuarakannya pada mesyuarat tindakan negeri yang turut dihadiri oleh ketua-ketua jabatan kerajaan negeri dan persekutuan termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)," katanya kepada pemberita selepas solat hajat di Masjid Sabak hari ini.

Solat berkenaan yang disertai kira-kira 50 penduduk tempatan itu diadakan sebagai usaha memohon kepada Allah bagi menyelamatkan masjid itu dan rumah-rumah penduduk di situ daripada dihakis ombak.

Nik Aziz berkata sekiranya peruntukan itu tidak disalurkan segera ada kemungkinan lebih banyak rumah dan masjid Sabak yang kini terletak kira-kira 30 meter dari laut itu akan roboh dan dihanyutkan ombak besar pada musim tengkujuh.

"Saya difahamkan kerajaan pusat akan menghantar wang itu pada tahun 2003 dan ini sudah terlambat", katanya.

Nik Aziz tidak menolak kemungkinan akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekiranya usaha yang menggunakan saluran sedia ada tidak berkesan.

Sementara itu Imam Muda masjid itu Abdul Halim Mohd Nor berkata sejak tiga minggu lepas kira-kira 100 penduduk di Sabak telah bergotong-royong menambak pantai bagi menyelamatkan masjid itu.

Beliau berkata kira-kira 300 hingga 400 biji guni yang diisi dengan pasir digunakan bagi menghalang ombak.

Abdul Halim berkata selain masjid itu kira-kira 50 buah rumah penduduk di sepanjang pantai Kemaruk hingga Pantai Senok terdedah kepada ancaman ombak.

Seorang penduduk Che Mamat Ibrahim, 51, berkata rumah miliknya yang dibina daripada wang pinjaman sebanyak RM64,000 habis musnah dilanda ombak tahun lepas.

Che Mamat, pesara tentera berkata beliau kini terpaksa menumpang di rumah mertuanya yang terletak berdekatan tetapi rumah itu pun kini dikhuatiri akan menerima nasib yang serupa.

-- BERNAMA

WM BD NMO